

Harga bawang merah naik mendadak

Lambakan punca bawang di pekan Golok murah



Tinjauan BH mendapati harga bawang merah di Pekan Golok dijual antara RM8 hingga RM9 sekilogram, berbanding RM10 hingga RM13 di Kelantan.

Sungai Golok: Bekalan bawang merah di pekan Golok, Thailand didapati dijual lebih murah berbanding Kelantan berikutan lambakan bekalan.

Tinjauan BH di pekan berkenaan mendapati harga bawang merah dijual antara RM8 hingga RM9 sekilogram, berbanding RM10 hingga RM13 di Kelantan.

Malah, harga bawang merah di kedai runcit sekitar Rantau Panjang bersebelahan pekan Golok turut mencecah RM13 sekilogram.

Peniaga di Thailand mendakwa harga bawang merah naik sehingga RM8 dan RM9 sekilogram sejak bulan lalu, berbanding dijual antara RM3 hingga RM4 sekilogram sebelum itu.

Mereka memaklumkan, bekalan diperoleh dari Kelantan sebelum diseludup masuk ke Thailand.

Seorang peniaga berusia 45 tahun yang enggan dikenali ber-

kata, Thailand mempunyai dua jenis bawang merah, iaitu bawang Thailand yang dijual RM11 sekilogram dan bawang merah dari Malaysia.

"Permintaan tinggi penduduk ialah bawang merah dari Malaysia kerana lebih murah."

"Bekalan kami diperoleh daripada pembekal bawang merah di Kelantan. Kami bawa masuk bawang melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaran dan Keselamatan (ICQS)," katanya di sini, semalam.

Oleh kerana bekalan dibawa masuk tanpa permit, mereka hanya meletakkan sedikit bawang dalam bakul dan hanya mengeluarkan selebihnya jika ada pembeli mahukan kuantiti besar.

"Itu sudah lama kami amalkan di sini kerana ia adalah satu kesalahan, begitu juga tepung gandum dan minyak masak yang di-tempatkan dalam kuantiti kecil," katanya.

Sabtu, 28 Disember 2019 | 9:02pm



Tinjauan BH mendapati harga bawang merah di Pekan Golok dijual antara RM8 hingga RM9 sekilogram, berbanding RM10 hingga RM13 di Kelantan. - NSTP/Zaman Huri Isa

Lambakan punca bawang di pekan Golok murah

SUNGAI GOLOK: Bekalan bawang merah di pekan Golok, Thailand didapati dijual lebih murah berbanding Kelantan berikutan lambakan bekalan.

Tinjauan BH di pekan berkenaan mendapati harga bawang merah dijual antara RM8 hingga RM9 sekilogram, berbanding RM10 hingga RM13 di Kelantan.

Malah, harga bawang merah di kedai runcit sekitar Rantau Panjang bersebelahan pekan Golok turut mencecah RM13 sekilogram.

Peniaga di Thailand mendakwa harga bawang merah naik sehingga RM8 dan RM9 sekilogram sejak bulan lalu, berbanding dijual antara RM3 hingga RM4 sekilogram sebelum itu.

Mereka memaklumkan, bekalan diperoleh dari Kelantan sebelum diseludup masuk ke Thailand.

Seorang peniaga berusia 45 tahun yang enggan dikenali berkata, Thailand mempunyai dua jenis bawang merah, iaitu bawang Thailand yang dijual RM11 sekilogram dan bawang merah dari Malaysia.

"Permintaan tinggi penduduk ialah bawang merah dari Malaysia kerana lebih murah.

"Bekalan kami diperoleh daripada pembekal bawang merah di Kelantan. Kami bawa masuk bawang melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS)," katanya di sini, semalam.

Oleh kerana bekalan dibawa masuk tanpa permit, mereka hanya meletakkan sedikit bawang dalam bakul dan hany mengeluarkan selebihnya jika ada pembeli mahukan kuantiti besar.

"Itu sudah lama kami amalkan di sini kerana ia adalah satu kesalahan, begitu juga tepung gandum dan minyak masak yang ditempatkan dalam kuantiti kecil," katanya.

